

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	DAKWAAN PENCEMARAN SUNGAI KELAİK : DUA SYARIKAT DIARAH HENTI PERLOMBONGAN
	SUMBER	BH (19 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	22 (NASIONAL)

Nasional

Khamis, 19 Disember 2024 **BH**

Dakwaan pencemaran di Sungai Kelaik

Dua syarikat diarah henti perlombongan

JAS kemuka surat kepada PTG Kelantan tangguh kelulusan pembaharuan lesen

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua syarikat diarah menghentikan kerja perlombongan selepas ia dikhawatiri menyebabkan pencemaran di Sungai Kelaik di Gua Musang, Kelantan.

Arahan dikeluarkan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) berdasarkan siasatan berhubung pematuhan Syarikat Aqua Orion Sdn Bhd (Aqua Orion) dan Syarikat Perlombongan Gua Musang Sdn Bhd (Redstar Capital Sdn Bhd) terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Menteri Sumber Asli dan Keles-

tarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, siasatan mendapati Aqua Orion menjalankan aktiviti tanpa mendapat kelulusan mengikut subseksyen 34A(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan kertas siasatan akan dibuka segera di bawah subseksyen 34A(6) akta sama.

Bagi Redstar Capital Sdn Bhd pula, katanya, siasatan mendapati premis tidak beroperasi di mana tiada sebarang kerja mengorek bijih besi atau memproses

bijih besi dijalankan.

"Tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut Akta 127 sekiranya didapati penggerak projek gagal mematuhi mana-mana syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi memastikan pelaksanaan projek dapat mengurangkan dan meminimumkan kesan kepada reseptor sensitif alam sekitar.

"JAS juga akan mengemukakan surat kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan

supaya pihak terbabit menaguhkan kelulusan pembaharuan lesen melombong kepada pihak Aqua Orion sehingga laporan EIA dikemukakan untuk penilaian dan kelulusan," katanya melalui kenyataan.

Pemantauan secara berterusan

Dalam pada itu, Nik Nazmi berkata pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan di tapak projek dan sebarang ketidakpatuhan mengikut Akta 127 akan diambil tindakan perundangan yang tegas.

Sekiranya disabitkan kesalahan, pesalah berhadapan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh dikenakan denda tidak kurang RM100,000 dan tidak melebihi RMI juta.

"Kementerian komited dan mengambil tindakan tegas dalam menangani sebarang isu berhubung pencemaran dan menggesa orang awam melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>," katanya.

“JAS juga akan mengemukakan surat kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan supaya pihak terbabit menaguhkan kelulusan pembaharuan lesen melombong kepada pihak Aqua Orion sehingga laporan EIA dikemukakan untuk penilaian dan kelulusan”

Nik Nazmi Nik Ahmad,
Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam



2.	TAJUK	KEBOLEHCAPAIAN LOKASI PUSAT KITAR SEMULA MAMPU BUDAYAKAN AMALAN
	SUMBER	BH (19 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (KOMENTAR)

Kebolehcapaian lokasi pusat kitar semula mampu budayakan amalan



Pensyarah Kanan
Jabatan Alam Sekitar,
Fakulti Perhutanan
dan Alam Sekitar,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Dr Nazatul Syadia Zainordin
bhrencana@bh.com.my

Kadar kitar semula kebangsaan pada 2023 dilaporkan pada tahap 35.38 peratus, manakala tahun ini disasarkan mencapai sehingga 40 peratus.

Dengan peningkatan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kitar semula sisa, ia tidak mustahil untuk negara mencapai sasaran ditetapkan pada 2025.

Peratusannya boleh menjangkau sasaran semasa dengan usaha progresif daripada kerajaan dan perubahan amalan masyarakat dalam pengurusan sisa pepejal. Pelbagai usaha daripada kerajaan dipergiatkan bagi mencapai sasaran ini dari segi aplikasi pengurusan sisa pepejal. Dalam hal ini, ia wajar baik bermula daripada penajaan sisa sehingga pelupusan sisa iaitu mengetengahkan konsep ekonomi kitaran, memperluaskan tanggungjawab pengeluaran dan mempertingkatkan amalan pengasingan sisa di punca.

Kempen 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) bukan lagi hanya bertujuan memberi kesedaran semata-mata, tetapi perlu diterapkan dan diamalkan sebagai satu amalan rutin paling utama bagi setiap individu dalam kehidupan seharian.

Usaha dan inisiatif diambil serta dilaksanakan kerajaan pada masa ini amat baik, tetapi beberapa aspek perlu diambil perhatian, terutama dalam penyediaan infrastruktur dan lokasi pusat kitar semula.

Lokasinya perlu berdekatan kawasan kediaman bagi memudahkan masyarakat menghantar barangan diasingkan untuk dikitar semula.

Kebolehcapaian lokasi pusat mengitar semula sisa dilihat penting bagi menarik masyarakat setempat datang dan menghantar barang kitar semula. Lebih utama, keberadaaan lokasi ini diketahui masyarakat setempat dan mudah untuk diakses.

Terap kesedaran masyarakat luar bandar

Penekanan terhadap kesedaran berkenaan amalan kitar semula sisa juga perlu diterapkan pada masyarakat, khususnya berada di luar bandar.

Tidak seperti masyarakat tinggal di bandar, maklumat diterima dan tahap kesedaran masyarakat di luar bandar mengenai kepentingan kitar

semula sisa masih kurang atau terhad. Pembakaran dan pembuangan sisa di kawasan terbuka dilaporkan masih lagi berlaku, terutama di luar bandar.

Berdasarkan kajian kekurangan infrastruktur seperti penyediaan kawasan atau tong kitar semula berdekatan kawasan kediaman serta tahap kesedaran amalan kitar semula rendah membawa kepada pengurusan sisa pepejal yang tidak baik ini.

Masyarakat luar bandar rata-rata memahami konsep pengasingan sisa pepejal, namun kepentingan dan kebaikan kitar semula sisa masih kurang difahami atau cuba dipenuhi mereka berikutan ketiadaan dorongan berterusan pihak berkuasa atau pemimpin komuniti.

Oleh itu, pelaksanaan aktiviti berkonsepkan perkhidmatan komuniti amat penting bagi melaksanakan aktiviti libat urus secara terus dengan kerjasama kerajaan dan agensi berkaitan atau institusi luar kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mereka untuk membudayakan amalan kitar semula sisa.

Dari sudut masyarakat pula, mereka perlu lebih terbuka dan aktif menghadiri program atau kempen kitar semula yang dijalankan serta memberikan komitmen sepenuhnya dalam meningkatkan amalan baik pengurusan sisa.

Dengan peningkatan budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat, ia akan dapat mengurangkan beban syarikat pengurusan sisa pepejal dan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sisa.

Peningkatan kadar kitar semula juga dapat mengurangkan tahap kebergantungan kepada sumber asli dan pencemaran alam sekitar, sekali gus memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).



3.	TAJUK	KOMITMEN BERSAMA JAGA KEBERSIHAN MAMPU CEGAH BENCANA ALAM EKSTREM.
	SUMBER	BH (20 DISEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Komitmen bersama jaga kebersihan mampu cegah bencana alam ekstrem

Basmin Maarof,
Pegawai Komunikasi
Korporat, Pertubuhan
IKRAM Malaysia

Dunia sedang mengalami perubahan cuaca menyebabkan fenomena bencana alam ekstrem. Banjir semakin kerap melanda banyak negara, termasuk Malaysia menjadi petanda jelas keseimbangan ekosistem sedang terganggu.

Kejadian ini bukan sekadar fenomena semula jadi tetapi turut didorong tindakan manusia merosakkan alam sekitar. Kesan banjir tidak hanya terbatas kepada kemusnahan harta benda dan infrastruktur, tetapi memberikan impak besar terhadap kehidupan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Kebanyakan kejadian banjir kini dipengaruhi perubahan drastik dalam pola cuaca akibat perubahan iklim global. Pemanasan bumi diakibatkan pelepasan gas rumah kaca meningkatkan kadar penyejatan, menghasilkan hujan lebih lebat dan kerap.

Dalam konteks Malaysia, kawasan bandar pesat membangun sering menghadapi banjir kilat akibat saliran tidak mencukupi dan perancangan bandar kurang efektif walaupun pemerintah sudah melakukan apa yang terdapat mencegahnya.

Penebangan hutan secara meluas juga menghapuskan kawasan tadahan air semula jadi, menyebabkan tanah kehilangan keupayaan untuk menyerap air hujan.

Antara isu utama manusia sering kali terlepas pandang ialah akibat pencemaran alam, khususnya pencemaran sampah, menambah teruk banjir.

Apabila hujan atau angin bertiup, serpihan plastik dengan mudah dibawa melalui saluran air dan longkang. Sungai yang dulunya arus air semula jadi kini bertukar menjadi 'lebuh raya plastik'.

Masalah ini semakin rumit apabila plastik

mencemari sungai dan kawasan tadahan mengganggu keseimbangan ekosistem air. Selain mencetuskan banjir, pencemaran ini juga memusnahkan habitat semula jadi hidupan akuatik.

Kesannya, bukan sahaja risiko banjir meningkat, tetapi sumber semula jadi penting turut terancam. Dalam situasi ini, keperluan untuk menjaga dan melestarikan alam semakin mendesak.

Didik kepentingan urus sisa

Dalam menghadapi cabaran ini, penjagaan alam sekitar tidak lagi boleh dianggap sebagai pilihan, tetapi mesti menjadi tanggungjawab bersama. Ka-



wasan hijau berfungsi sebagai penampungan semula jadi wajib dipelihara.

Sementara itu, pengurusan sisa pepejal memerlukan perhatian serius. Masyarakat perlu dididik mengenai kepentingan menguruskan sisa dengan betul, termasuk kitar semula dan pengurangan penggunaan plastik.

Mungkin kita memerlukan sistem pengumpulan sisa baharu lebih efisien dan pelaksanaan undang-undang lebih tegas terhadap penyebab pencemaran dan pembuangan sampah secara haram.

Pembangunan infrastruktur mampan perlu menjadi keutamaan. Justeru, pendekatan holistik membabitkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi akademik dan masyarakat amat diperlukan untuk menangani isu banjir dan pencemaran alam sekitar.

Kerajaan mesti memimpin dengan dasar yang tegas dan membuat pelaburan strategik dalam teknologi hijau serta tenaga boleh diperbaharui. Usaha ini memerlukan sokongan sektor swasta yang mampu mencipta inovasi mesra alam dan mengamalkan perniagaan lestari.

NGO boleh menjadi penggerak meningkatkan kesedaran rakyat, menyelaras bantuan teknikal dan mendekati komuniti terkesan. Semua ini menuntut keberanian untuk melangkah keluar daripada zon selesa dan mengutamakan kelangsungan bumi kita.

Perubahan sebenar bermula pada akar umbi. Masyarakat setempat tidak boleh menormalisasikan aktiviti pencemaran alam mahupun rasa sesala atau tidak tersentuh dengan aktiviti ke-rosakan alam. Usaha bersama ini bukan sahaja mengurangkan risiko bencana, tetapi juga meletakkan asas kukuh untuk masa depan lestari.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**